

30 MAY 2002

BELANJAWAN-SESI

SESI KHUSUS BAGI KETUA KERAJAAN NEGERI DALAM DIALOG BELANJAWAN 2003

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Kementerian Kewangan akan mengadakan satu sesi khusus dengan menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri dan penyokong-penyokong kerajaan dalam Parlimen untuk mendapatkan input bagi penggubalan dasar dan strategi Kerajaan dalam Belanjawan 2003.

"Sesi khusus yang dikenali sebagai sesi keempat ini merupakan sesi rundingan dengan Ketua-ketua Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat," Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dalam ucapan pembukaannya di Majlis Dialog Belanjawan 2003 hari ini.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata, semua input yang dikemukakan dalam majlis ini akan dikaji dan di mana sesuai, akan dijadikan asas untuk merangka strategi dan langkah-langkah Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan pada bulan September ini.

Kebiasaannya, Dialog Belanjawan akan diadakan dalam tiga sesi yang melibatkan perbincangan mengenai perkembangan dan isu-isu makroekonomi negara; perbincangan dengan wakil sektor ekonomi utama dan industri; serta perbincangan dengan pelbagai pertubuhan sosial mengenai isu dan agenda kemasyarakatan.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Amin AlJeffri mengharap kerajaan memberi perhatian terhadap langkah-langkah galakan dalam sektor perkhidmatan supaya ia dapat diperkembangkan dengan lebih pesat.

"Kali ini kita merasakan kerajaan akan memberi penekanan yang lebih kepada sektor perkhidmatan kerana mengikut laporan ekonomi yang dikeluarkan terutamanya oleh Bank Negara menunjukkan teras ekonomi pada masa akan datang adalah daripada sektor perkhidmatan," katanya kepada pemberita selepas majlis dialog tersebut.-- BERNAMA

MAS OS